



Anda belia dan susah cari kerja?
Laporan lanjut di [BeritaHarian.sg](https://www.beritaharian.sg) ▶

Setempat Akses Percuma

Pusat bangunkan pendidikan perwatakan, kewarganegaraan pelajar S'pura dilancar

Pusat bertujuan sokong perkembangan holistik kanak-kanak, belia

pendidikan chan chun sing

 ZULAIQAH ABDUL RAHIM

May 30, 2023 | 05:37 PM

 Dapatkan artikel ini untuk diberitakn semula



MAJLIS PEMBUKAAN: Menteri Pendidikan, Encik Chan Chun Sing, ketika berucap kepada peserta dalam majlis pembukaan Persidangan Guru-Guru yang ke-11 dan Pesta ExCEL 2023 di Pusat Konvensyen dan Expo Sands pada Selasa. - Foto ST


USAHA membangunkan pedagogi akademik para pelajar harus selari dengan pendidikan perwatakan dan kewarganegaraan (CCE) di sekolah-sekolah, kata Menteri Pendidikan, Encik Chan Chun Sing.

Malah, beliau menambah bahawa CCE juga memainkan peranan sebagai asas dalam membentuk pencapaian akademik pelajar.

Pada Selasa, Encik Chan melancarkan Pusat Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan Singapura dalam majlis pembukaan Persidangan Guru-Guru yang ke-11 dan Pesta ExCEL 2023, yang berlangsung di Pusat Konvensyen dan Expo Sands.

Pusat itu, yang terletak di Institut Pendidikan Nasional (NIE), adalah yang pertama seumpamanya di rantau ini.

Ia ditubuhkan bersama Kementerian Pendidikan (MOE) dan NIE.



AI-powered chair knows exactly how to help you relieve stress

Find out more on [StraitsTimes.com](https://www.straitstimes.com) ▶





Encik Chan berkata:

"Pendidikan bukan hanya tentang pembelajaran akademik tetapi melebihi daripada itu. Apa sahaja yang kami lakukan untuk bahagian akademik, ia mesti selari dengan usaha dalam bahagian (pendidikan) perwatakan dan kewarganegaraan. Bahkan, kami melihatnya (pendidikan perwatakan dan kewarganegaraan) sebagai asas untuk yang lain (akademik).

"Ini sebabnya MOE ingin memulakan pusat ini untuk memastikan kami menetapkan usaha, sumber dan tenaga dalam membangunkan pedagogi baru mengenai bagaimana kami dapat mengajar CCE di sekolah-sekolah."

Pusat baru itu diadakan memajukan pembelajaran dan penyelidikan profesional dalam CCE untuk menyokong perkembangan holistik kanak-kanak dan belia.

Ia bakal menyatukan pakar tempatan dan antarabangsa sebagai perunding dan rakan usaha sama dalam penyelidikan untuk menyokong pembangunan profesional guru dalam latihan di NIE dan yang sedang berkhidmat.

Antara usaha pusat itu termasuk mengendalikan penyelidikan pendidikan mengenai CCE, dengan penekanan pada amalan bilik darjah dan pedagogi dalam konteks Singapura.

Encik Chan menambah bahawa perkembangan CCE di sekolah-sekolah harus diberikan tumpuan bagi membantu memenuhi keperluan berbeza pelajar.

"Ia tidak boleh dilaksanakan dengan begitu sahaja. Ia mesti dibangunkan dengan tujuan... Kumpulan pelajar yang berbeza berdepan cabaran yang berbeza dan kita memerlukan pedagogi yang berbeza untuk kumpulan pelajar yang berbeza," ujar beliau.

Pusat CCE itu akan dipimpin oleh Profesor Tan Oon Seng, yang kini Dekan Projek Khas di NIE.

Merupakan seorang bekas Pengarah NIE dari 2014 hingga 2018, Profesor Tan, 65 tahun, telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan pendidikan guru dan menggiatkan semula program latihan NIE untuk menaikkan imej dan profesionalisme guru.

"Melebihi akademik, masyarakat kita masa kini boleh setuju bahawa perkara paling penting pada masa hadapan adalah untuk membangunkan perwatakan pelajar kita," kata Profesor Tan.

"Untuk mempersiapkan generasi seterusnya, saya percaya lebih banyak usaha yang dapat dilaksanakan dalam bahagian ini."

Di Persidangan Guru-Guru pada pagi Selasa, Encik Chan juga menyampaikan Anugerah Inovasi Menteri yang julung kalinya diadakan.

Anugerah itu bertujuan mengiktiraf inovasi dengan impak mampan yang berskala besar daripada ibu pejabat MOE, sekolah-sekolah dan lembaga berkanun MOE.

Sebanyak enam projek menerima anugerah tersebut.

Laporan berkaitan

Warga muda harus mula lakar SG75 dari sekarang: Chun Sing



RI perlu terus sifat inklusif, tarik pelajar pelbagai latar belakang



Dapatkan artikel ini untuk diterbitkan semula

Juga di Berita Harian





Jul 13, 2023

Penunggang basikal 18 tahun maut dalam kemalangan...



Jul 17, 2023

Parti Pekerja teliti video papar detik intim AP Leon...



Jul 18, 2023

Pemergian Mat London beri kesan buat anak seni...



Jul 19, 2023

2 bulan hanyut di laut: Kelasi Australia dan...

Recommended by

Video Baru



Orang Muda Gitew (OMG) Episod 9



Orang Muda Gitew (OMG) Episod 10



Orang Muda Gitew (OMG) Episod 8



Orang Muda Gitew (OMG) Episod 7



Orang Muda Gitew (OMG) Episod 6

+ Video lain

Podcast Baru



Jul 18th, 2023

Kes Bunuh Huang Na: Perbincaran Took Leng How



Jul 17th, 2023

Kes Bunuh Huang Na: Huang Na ditemui di lereng bukit di Telok Blangah Hill Park



Jul 16th, 2023

Extra Time: Apakah perubahan kepada peraturan SPL akan bunuh mutu pemain senior?



Jul 16th, 2023

Extra Time: Nishigaya bukan orang tepat galas jawatan ketua jurulatih nasional? (Bahagian 2)



Jul 15th, 2023

Extra Time: Jurulatih tepat diperlukan untuk ubah ekosistem (Bahagian 1)



Jul 14th, 2023

"Saya tiada pengalaman kerja, Mahukah majikan ambil saya bekerja?"

+ Podcast lain

Akses Percuma

Mendaki pergiat usaha pupuk minat pelajar Melayu/Islam dalam bidang Stem

Kerjasama dengan syarikat semikonduktor Micron bagi dedah pelajar dari peringkat prasekolah kepada bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik

[mendaki](#) [ZAQY](#) [micron](#)

NUR HUMAIRA SAJAT

Jul 20, 2023 | 07:53 PM

Dapatkan artikel ini untuk ditertarikan semula





Pelajar Melayu/Islam setempat daripada pelbagai lapisan umur kini berpeluang mendapat lebih banyak pendedahan dalam sektor Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (Stem) menerusi program Yayasan Mendaki hasil kerjasama dengan syarikat semikonduktor, Micron.

Program menyeluruh selama tiga tahun itu merangkumi biasiswa, program bekerja sambil belajar dan darmawisata yang bertujuan memupuk minat dan menyokong pelajar menceburi bidang kejuruteraan.



Pada Khamis, satu memorandum persefahaman (MOU) dimeterai antara badan bantu diri Melayu/Islam dengan syarikat semikonduktor itu, yang disaksikan Menteri Negara Kanan (Tenaga Manusia merangkap Pertahanan) Encik Zaqy Mohamad.

Encik Zaqy, yang juga Timbalan Pengerusi Mendaki, berkata: "Micron merupakan rakan korporat pertama yang akan terlibat dalam hampir semua program utama Mendaki. Ini kerjasama yang juga satu pencapaian. Masyarakat kita akan digalakkan untuk mempelajari kepentingan pendidikan Stem dan meneroka lebih banyak peluang dalam sektor baru."

Di bawah kerjasama itu, Mendaki dan Micron melancarkan biasiswa khas buat pelajar politeknik dalam jurusan kejuruteraan.

Kami hargai pandangan anda untuk perbaiki Berita Harian. Kami berharap anda dapat luangkan masa sertai tinjauan ini.

→ Klik Tinjauan Bahasa Melayu
→ Klik Tinjauan Bahasa Inggeris **Berita Harian**

Biasiswa tersebut bertujuan memberi manfaat kepada lima pelajar setahun, dengan setiap pelajar menerima \$4,000. Mereka juga berpeluang menjalani program bekerja sambil belajar di Micron.

Encik Zaqy berkata lebih ramai pelajar Melayu/Islam melanjutkan pengajian ke peringkat diploma dan biasiswa itu diharapkan dapat membantu mereka.

"Setiap tahun, Mendaki menerima permohonan yang amat banyak bagi pelbagai skim biasiswa dan dermasiswa. Tahun ini, permohonan bagi biasiswa dan dermasiswa bagi pelajar diploma bertambah sebanyak 40 peratus," kata Encik Zaqy.

Beliau menambah: "Biasiswa ini termasuk peluang bekerja sambil belajar di Micron, membolehkan pelajar meraih pengalaman industri yang berharga dan mengasah kemahiran mereka dengan lebih terperinci."

Pelajar sekolah menengah hingga peringkat pengajian tinggi akan ditawarkan pelbagai kegiatan pembelajaran seperti kem dan darmawisata.

Contohnya, sebuah kem tiga hari akan dianjurkan sewaktu cuti sekolah November bagi sekurang-kurangnya 30 pelajar sekolah menengah.

Diberi nama *Micron Foundation's Chip Camp*, kegiatan itu bertujuan memberi pelajar peluang latihan amali dalam sektor semikonduktor, sains dan teknologi serta memupuk minat mereka menceburi pendidikan Stem dan selanjutnya, kerjaya dalam bidang tersebut.

Darmawisata ke Micron pula bakal dianjurkan bagi pelajar posmenengah dan institut pengajian tinggi (IHL) untuk membolehkan mereka dan ibu bapa memahami jangkaan bekerja dalam sektor semikonduktor secara lebih mendalam dan membuka peluang untuk mereka berinteraksi dengan pemimpin serta karyawan industri.

Kanak-kanak prasekolah dan pelajar di peringkat lebih tinggi juga diberi sokongan tambahan kerana kerjasama itu melibatkan karyawan Micron yang menjadi relawan serta mentor dalam inisiatif Mendaki, seperti KelasMateMatika (KMM) dan program Mara Mentoring.

Cik Sim Cher Whee, Naib Presiden Mobiliti & Pemerolehan Bakat Sejangat, Micron Technology berkata:

"Kerjasama jangka panjang ini...merupakan salah satu komitmen strategik untuk memperkukuh budaya inklusif. Kami di Micron ingin berkongsi kepakaran kami dalam AI (kecerdasan buatan), pembelajaran mesin, Internet of Things (IoT), pendigitalan, selain mendedahkan pelajar kepada dunia baru ini dan menekankan keperluan... mempertingkatkan diri dan merebut peluang dalam industri."

Laporan berkaitan

Sektor pengilangan: Lebih 13,400 kerja baru akan diwujudkan



Program KelasMateMatika@CC tingkat semangat anak pelajari Matematik



Dapatkan artikel ini untuk diterbitkan semula

Juga di Berita Harian



Jul 16, 2023

Pesakit paliatif Melayu/Islam meningkat, ramai...



Jul 19, 2023

Tingkat kesedaran, kumpul dana sebagai peringatan...



Jul 17, 2023

Cucu penggubah lagu 'Di Tanjong Katong' teruskan...



Jul 14, 2023

M. Daud Kilau mohon penyebar berita palsu umu...

Recommended by

Akses Percuma

Pilihan Raya Presiden 2023: Lebih 2.7j warga layak undi

Seramai 2,709,455 pengundi disenarai dalam Daftar Pengundi, kata Jabatan Pilihan Raya

ELD

Pilihan Raya Presiden

NATASHA MUSTAFA

Jul 20, 2023 | 07:09 PM



Dapatkan artikel ini untuk diterbitkan semula

